





## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : ITBM PERKUKUH PENERBITAN TVET SEDIA LEBIH 500 JUDUL BUKU SEMPENA PBAKL 2026

SUMBER : BERNAMA - 31 MEI 2026

"Kandungan bahan rujukan TVET itu, dibangunkan berasaskan keperluan industri dan standard kompetensi yang diiktiraf, termasuk kerangka *National Accredited Technical Education Diploma (NATED)* dan *National Certificate (Vocational) [NC(V)]*," menurut kenyataan itu.

Kenyataan ITBM itu memaklumkan bahawa pendekatan berasaskan kompetensi itu, selari dengan pelaksanaan TVET di Malaysia yang menekankan kemahiran praktikal, kebolehpasaran graduan serta kesiapsiagaan memasuki alam pekerjaan.

Antara bidang yang diliputi termasuk kejuruteraan, teknologi elektrik, kimpalan, pembinaan, automotif, hospitaliti, pertanian, perniagaan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), yang merupakan sektor strategik dan keutamaan pembangunan negara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ITBM Sakri Abdullah berkata saranan Timbalan Perdana Menteri itu tepat pada masanya, dalam memperkukuh ekosistem TVET dan pembangunan tenaga kerja masa hadapan.

Beliau berkata ITBM kini meneroka usaha menterjemah tajuk TVET terpilih ke dalam Bahasa Melayu, bagi memastikan kandungan teknikal bertaraf antarabangsa dapat dimanfaatkan lebih ramai pelajar dan tenaga pengajar.

"Penerbitan bahan TVET dalam Bahasa Melayu bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman dan keberkesanan pembelajaran, malah menyokong agenda pendemokrasian ilmu dengan memastikan akses yang lebih luas, inklusif dan sama rata kepada sumber ilmu berkualiti," katanya.

Dalam perkembangan lain, ITBM akan menganjurkan sesi pembentangan khas bersama wakil *Macmillan Education* pada 5 Jun ini, bagi berkongsi perkembangan terkini dalam penerbitan TVET serta potensi penggunaannya, dalam memperkukuh ekosistem pendidikan negara.

ITBM turut memperkukuh kerjasama strategik dengan kementerian, institusi pendidikan, pemain industri serta rakan penerbitan dalam dan luar negara, bagi memperluas usaha penterjemahan serta penerbitan bahan TVET berimpak tinggi untuk kegunaan institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), serta institusi pendidikan swasta.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).